

TARIKH : 8 MAC 2016

AKHBAR : SINAR HARIAN

M/S : 41

TAJUK : [PORT DICKSON]

KEJOHANAN PETAQUE DISERTAI JAGUH TEMPATAN, LUAR NEGARA

Kejohanan Petaque disertai jaguh tempatan, luar negara

PORT DICKSON – Penganjuran Kejohanan Petanque Terbuka Antarabangsa Port Dickson kali keempat terus mendapat perhatian dunia dan julung kali menerima penyertaan Presiden Persatuan Petanque Dunia, Claude Azema dari Perancis.

Kejohanan berlangsung hujung minggu lalu di Padang Petanque Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD), turut dihadiri oleh Naib Presiden

Persatuan Petanque Dunia, Suphonath Lomlert dan jaguh petanque tempatan dan luar negara.

Pengerusi Persatuan Petanque Negeri Sembilan (Pepnes), Datuk Ab Khalid Mat berkata, kejayaan penganjuran kejohanan yang dihoskan oleh Pepnes ini telah membuka mata ramai pihak.

Beliau yang juga Yang Dipertua MPPD berkata, sebelum ini, pihaknya hanya menerima surat penghargaan

an sahaja, namun kali ini pihak terbabit sendiri menjadi tetamu jemputan dan menyertai pertandingan berkenaan.

"Tahun ini juga, kita menerima penyertaan baru dari empat negara iaitu Perancis, Monaco, Singapura dan Myanmar, di samping mengekalkan penyertaan pasukan daripada Brunei, Thailand dan India.

"Sebanyak 38 pasukan daripada luar negara manakala 83 pasukan daripada 14 negeri

seluruh Malaysia membabitkan penyertaan seramai 1,044 pengurus dan atlet petanque," katanya ketika ditemui selepas kejohanan berkenaan.

Ab Khalid berkata, kehadiran juara dunia ke kejohanan ini juga secara tidak langsung menaikkan semangat dan memberi saingan sengit kepada peserta.

Tambah beliau, dari aspek pelancongan pula, kejohanan terbabit antara platform terbaik untuk terus mempromosikan Port Dickson sebagai destinasi pelancongan terbaik dunia, sekali gus menjana ekonomi penduduk yang mengusahakan pelbagai perusahan dan perniagaan.

Sementara itu, dalam kejohanan terbabit, pasukan Thailand 1 menjuarai kategori lelaki; naib johan, Persekutuan Petanque Malaysia (PPM1); tempat ketiga, Thailand 2 dan tempat keempat, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Bentong.

Manakala kategori wanita johan pasukan Thailand A; naib johan, Myanmar B; tempat ketiga, Thailand B dan tempat keempat, Sukma Negeri Sembilan A.



Ab Khalid (kiri) bersama Claude Azema (dua, kiri) bergambar bersama pemenang kejohanan.